



KP(BS) 8591/Jld.XVIII (8)

29 Oktober 2003

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 8/2003 :
PENGUNAAN BUKU LOG BAGI TUJUAN MEMANTAU
LAKU MUSNAH (VANDALISM) DI KALANGAN MURID-MURID SEKOLAH

Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil maklum akan meningkatnya kes-kes Laku Musnah (*vandalism*) di bangunan, kawasan dan asrama sekolah. Langkah segera perlu diambil bagi membasmi kegiatan ini di kalangan murid-murid sekolah melalui sistem pemantauan yang terancang dan berterusan. Di samping itu sekolah hendaklah menggunakan perkhidmatan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah/Guru Bimbingan dengan mengadakan sesi kaunseling untuk murid-murid yang melakukan laku musnah.

2. Sehubungan dengan itu, sekolah dikehendaki menyediakan "**Buku Log Laku Musnah**" yang bertujuan untuk memantau gejala salah laku ini dan data-data yang terkumpul boleh dijadikan sumber untuk membuat perancangan bagi membasmi kegiatan tersebut. Sila rujuk kepada **Lampiran LM** yang dilampirkan sebagai panduan.

3. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Bahagian/Daerah, Pengetua dan Guru Besar sekolah di bawah pentadbiran Y.Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

DATUK ABDUL RAFIE BIN MAHAT
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad
Menteri Pelajaran Malaysia
 2. Y.B. Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 4. Y.B. Dato' Mahadzir bin Mohd Khir
Setiausaha Parliman, Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 8. Ketua-Ketua Bahagian, Kementerian Pendidikan Malaysia
 9. Ketua Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia
 10. Penasihat Undang-Undang, Kementerian Pendidikan Malaysia
 11. Ketua Perhubungan Awam, Kementerian Pendidikan Malaysia

SULIT

LAMPIRAN LM

**BUKU LOG
KEJADIAN LAKU MUSNAH (VANDALISM)
TAHUN**

BIL.	TARIKH KES	MASA KEJADIAN	NAMA MURID ATAU MURID-MURID TERLIBAT	TAHUN ATAU TINGKATAN	KESALAHAN KALI KE BERAPA?	ORANG YANG MELAPOR	JENIS LAKU MUSNAH YANG DILAKUKAN	TINDAKAN DISIPLIN YANG DIAMBIL TERHADAP MURID YANG TERLIBAT

SULIT

SULIT

Contoh Mengisi Buku Log

**BUKU LOG
KEJADIAN LAKU MUSNAH (VANDALISM) SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN JALAN LIKU, SELANGOR
TAHUN 2003**

BIL.	TARIKH KES	MASA KEJADIAN	NAMA MURID ATAU MURID-MURID TERLIBAT	TAHUN ATAU TINGKATAN	KESALAHAN KALI KE BERAPA?	ORANG YANG MELAPOR	JENIS LAKU MUSNAH YANG DILAKUKAN	TINDAKAN DISIPLIN YANG DIAMBIL TERHADAP MURID YANG TERLIBAT
1.	10.10.03	10.25 pagi	1. Ali bin Jantan	3 Melor	1	Karim	Melukis gambat lucas di dinding bilik air lelaki Blok B dengan menggunakan pen marker.	
			2. Chan Boon Teck	3 Melor	1	Karim	- sda -	
			3. Silvarajoo	3 Melor	1	Karim	- sda -	

SULIT